

Penerima Anugerah LKY mahu berbakti kepada masyarakat



KEJAYAAN MEMBANGGAKAN: Encik Muhammad Khairi Adam (*kiri*) bersama ibu dan bapanya Cik Siti Alawiah Md Ali and Encik Adam Embi. – Foto ihsan MUHAMMAD KHAIRI ADAM

► **RABIATUL ADAWIYA BINHAN**
rbinhan@sph.com.sg

MINAT beliau dalam sains data dan pemrograman cukup membara meskipun Encik Muhammad Khairi Adam, 25 tahun, tidak mengikuti bidang komputer.

Justeru apabila lulusan Sekolah Kimia dan Bioperubatan di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) itu menjalani latihan amali dengan syarikat nanoteknologi Silver Factory selama lapan bulan tahun lalu, beliau mencipta algoritma pembelajaran mesin untuk pengesanan Covid-19.

Beliau, yang meraih ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia dan Biomolekul Kejuruteraan)

dengan Kepujian (Kecemerlangan Tertinggi), juga diberikan pingat emas Anugerah Lee Kuan Yew (LKY) kerana muncul sebagai pelajar terbaik kursusnya. Malah, beliau juga dipilih sebagai *valedictorian* bagi kohortnya dalam Majlis Tamat Pengajian minggu lalu.

Bagi anak kedua tiga beradik itu, yang juga anak pertama yang berjaya meraih ijazah dalam keluarganya, beliau percaya bahawa kejayaan seseorang bukan sahaja bergantung kepada kecemerlangan akademik tetapi juga perbezaan positif yang boleh disumbang dalam kehidupan orang lain. Anak muda itu akan memulakan tugas sebagai seorang jurutera di Micron bulan ini.

Laporan lanjut di Muka 16